

PERUTUSAN Pengerusi KGMB



Assalamualaikum wbt. Salam sejahtera dan salam koperasi kepada semua anggota Koperasi Guru-Guru Malaysia Berhad (KGMB). Kami juga mengalu-alukan kehadiran anggota yang baru menyertai koperasi KGMB. Selamat berkoperasi, semoga menjadi anggota yang aktif. Saya juga berharap tahun 2026 ini akan membawa rahmat dan kesejahteraan kepada kita semua serta dapat memperkukuhkan pendapatan dan kedudukan KGMB sebagai koperasi yang berjaya.

Ketika ini KGMB dalam proses mengemaskini maklumat setiap anggota melalui Sistem Baharu e-KGMB yang bertujuan memudahkan pengurusan maklumat anggota serta akses kepada kemudahan koperasi secara atas talian. Setiap anggota telah diberikan lampiran maklumat "Pelaksanaan Sistem Baharu KGMB dan Akses Akaun Anggota" yang dikepilkan bersama-sama Surat Jemputaan Mesyuarat Kawasan setiap negeri. Marilah kita sama-sama mengemaskini maklumat kita sebagai anggota KGMB dalam sistem e-KGMB bagi memudahkan kita mengakses maklumat pada laman web KGMB serta memudahkan muat turun penyata kewangan akaun peribadi di KGMB.

KGMB merupakan koperasi yang berasaskan kredit di mana pendapatan utamanya bergantung kepada aktiviti pembiayaan daripada anggotanya. Kita tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada saham awam dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini. Sebagai anggota KGMB marilah kita bersama-sama meningkatkan pendapatan kita (KGMB) dengan mengambil pembiayaan-pembiayaan yang ditawarkan oleh KGMB. Antara pembiayaan yang ditawarkan oleh KGMB ketika ini ialah pembiayaan cukai kenderaan dan insurans, pembiayaan menunaikan umrah, pembiayaan pendidikan, pembiayaan sehingga seratus ribu ringgit (bagi yang layak) dan pelbagai lagi. Bagi pembiayaan di bawah lima ribu ringgit, kelulusan dapat diperolehi dalam tempoh 24 jam dan dikreditkan terus ke akaun peribadi anggota. Borang pembiayaan dan TKA boleh dimuat turun melalui portal kgmb.my. Saya yakin melalui peningkatan pembiayaan yang dibuat anggota koperasi, pelbagai faedah dapat disalurkan semula kepada anggota.

Tahun ini tiga Anggota Lembaga Koperasi (ALK) akan tamat tempoh perkhidmatan mereka. Mereka terdiri dari Tuan Haji Abd Hamid bin Bahari, Ustaz Sarip Udin bin Boiran serta Allahyarhamah Puan Hajah Rosnah binti Loman. Dua anggota ALK ini perlulah bertanding semula jika ingin menyambung perkhidmatan mereka manakala bagi tempat Allahyarhamah pula akan diganti dengan calon anggota dari Kelantan.

Pada tahun ini, KGMB telah kehilangan seorang ALK wanita pertama dalam KGMB iaitu Allahyarhamah Puan Hajah Rosnah binti Loman yang telah kembali ke rahmatullah pada 11 Februari 2026. Marilah sama-sama kita hadiahkan bacaan surah Al-Fatihah dan Al-Ikhlas untuk beliau serta semua anggota KGMB yang telah kembali ke rahmatullah. Semoga roh mereka dicucuri rahmatNya dan ditempatkan bersama-sama para solihin.

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya menyeru kepada semua anggota, marilah kita sama-sama menabung untuk masa hadapan, seterusnya merancang dan mengatasi masalah kewangan dengan menjadi anggota KGMB yang aktif dan produktif yang dapat menyumbang kepada kemajuan KGMB.

"Kemurnian Gandingan Matlamat Bersama"

Tuan Haji Haris bin Yahaya
Pengerusi

Koperasi Guru-Guru Malaysia Berhad



ANGGOTA LEMBAGA KGMB 2025-2026



Barisan Hadapan : Allahyarhamah Hajah Rosnah ; Puan Azrina ; Encik Mohd Aidilfitri ; Haji Haris ; Encik Jerald ; Encik Hud ; Puan Rahani (Pegawai Eksekutif)

Barisan Belakang : Encik Sarip Udin ; Haji Mohd Thani ; Haji Abd Hamid

PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KGMB 2026-2029

Dalam mesyuarat Agung Perwakilan KGMB ke-58 tahun 2026 ini, tiga orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) akan tamat tempoh perkhidmatan. Mereka perlu bertanding semula jika ingin menyambung perkhidmatan. Mereka ialah:



Sarip Udin bin Boiran

(13267)



Haji Abd Hamid bin Bahari

(3495)



Samsuddin bin Mat Ail

(dikoop bermula 1 April 2026)

(15968)

INGIN BERTANDING SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK)

Perwakilan dipelawa untuk bertanding sebagai ALK KGMB 2026-2029 tetapi syarat-syarat di bawah ini mestilah dipatuhi:

- Anggota KGMB.
- Wajib mengisi borang Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan memuat turun Laman Web <http://skm.gov.my>.
- Mendapat surat kebenaran daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Patuhi senarai semak dan hantarkan ke pejabat KGMB pada atau sebelum 10 Mei 2026.
- Merupakan anggota perwakilan 2026-2027.

Senarai semak:

- Borang SKM / BP
- Borang SKM / TAP / KEW
- Borang SKM / ALK
- Keputusan carian Kebankrapan (Jabatan Insolvency Malaysia)
- Keputusan Laporan Kredit Institusi Kewangan (CCRIS) Bank Negara
- Keputusan Laporan Kredit Koperasi -koperasi Anggota
- Lain-lain

GANJARAN PERSARAAN

Pembayaran wang ganjaran persaraan anggota akan disegerakan sebaik sahaja anggota itu bersara wajib. Walau bagaimanapun, wang simpanan / caruman akan dibuat pembayaran balik setelah segala urusan dengan ANGKASA selesai. Proses ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan selepas anggota itu bersara wajib. Setiap anggota yang aktif selama 15 tahun ke atas adalah layak menerima ganjaran seperti berikut:

- a. jika telah menjadi anggota secara berterusan selama 15 tahun, layak menerima ganjaran sebanyak RM 1,500.00.
- b. Jika menjadi anggota secara berterusan selama 16 tahun ke atas, layak menerima tambahan ganjaran sebanyak RM 100.00 setiap tahun.
- c. Ganjaran maksimum adalah sebanyak RM 3,000.00.

PERATURAN DAN SYARAT BERHENTI KEANGGOTAAN

1. Anggota yang ingin berhenti perlulah mengemukakan notis secara bertulis kepada KGMB seperti kehendak Perkara 21 Undang-Undang Kecil (UUK KGMB).
2. Anggota yang berhenti kerana bersara wajib, bersara pilihan dan meletak jawatan perlulah menyerahkan salinan bukti lengkap.
3. Wang Caruman Anggota akan dikembalikan selepas 12 bulan daripada tarikh permohonan berhenti, kecuali anggota yang bersara wajib, bersara pilihan dan meletak jawatan perkhidmatannya.

PENALTI !!!

Mulai Januari 2019 anggota yang memohon cek gantian kerana luput tarikh atau hilang akan dikenakan penalti sebanyak RM 20.00.

BAYAR HUTANG ELAK MUFLIS (ACCRS)

TERHENTI MENJADI ANGGOTA

Mengikut Undang-Undang Kecil KGMB 20 (1) (d) - Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab mungkir janji untuk membayar sebarang bayaran yang dijanjikan tiga bulan berturut-turut tanpa mendapat kebenaran ALK.

TABUNG KEBAJIKAN AM

DERMASISWA		
Bil.	Kategori	Kadar Sumbangan
1.	Sekolah Asrama Penuh di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (Tingkatan 1)	RM 100.00
2.	Sekolah Asrama Penuh di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (Tingkatan 4)	RM 150.00
3.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM - 7A dan Kepujian dalam Bahasa Melayu) Anak	RM 200.00
4.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) - 4A termasuk Pengajian Am) Anak	RM 250.00
5.	IPTA/IPTS yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Anak - peringkat Ijazah sarjana muda sahaja.	RM 300.00
6.	IPTA Anggota: Ijazah Pertama sepenuh masa (dokumen Surat Tawaran Kemasukan) ATAU Ijazah Pertama Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) - dokumen Surat Lantikan Skim Ijazah Kategori DG9 ATAU Program Khas Pensiswazahan Guru di IPTA/IPG (dokumen Surat Lantikan Skim Ijazah Kategori DG9).	RM 500.00
7.	Sarjana (Anggota) - dokumen Ijazah Sarjana yang telah disahkan oleh pegawai Kumpulan A (ada cop jawatan rasmi).	RM 750.00
8.	Ijazah Doktor Falsafah (PhD) - dokumen Ijazah Doktor Falsafah yang telah disahkan oleh pegawai Kumpulan A (ada cop jawatan rasmi).	RM 1,000.00

****Nota:** Kedua-dua ibu dan bapa yang menjadi anggota boleh memohon dermasiswa anak mulai **01 Januari 2025**
(Dokumen yang diperlukan - Surat Permohonan dan Borang Dermasiswa)

Perhatian

- Permohonan perlu disertakan salinan sijil kelahiran, kad pengenalan dan keputusan peperiksaan / surat tawaran yang disahkan.
- Bagi kemasukan ke asrama penuh, anggota perlu membuat permohonan selepas 6 bulan kemasukan ke asrama penuh.
- Bagi permohonan ke IPTA/IPTS anak anggota, umur anak berkenaan mestilah tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
- Resit pembayaran perlu disertakan sebagai bukti kemasukan ke IPTA/IPTS.
- Permohonan tanpa salinan dokumen yang disahkan akan ditolak.

JENIS-JENIS PEMBIAYAAN

- Pembiayaan Kredit - Pengeluaran sehingga 90% dari Simpanan Yuran Terkumpul Anggota.
- Pembiayaan Biasa - Pembiayaan oleh anggota antara RM3,000.00 sehingga RM30,000.00.
- Pembiayaan Mesra Pengguna - pembiayaan yang boleh dimohon oleh anggota selepas 3 bulan pemotongan pembiayaan biasa maksima RM5,000.00
- Pembiayaan Khas RM50,000.00 dan Pembiayaan sehingga RM100,000.00. (tertakluk pada terma dan syarat)
- Pembiayaan Umrah dan Ziarah
- Pembiayaan Pelancongan / Pembiayaan Pendidikan / Pembiayaan Insuran dan Cukai Jalan Kenderaan

KELAYAKAN ANGGOTA UNTUK MEMOHON PEMBIAYAAN

- Anggota KGMB telah ada tiga bulan potongan yuran daripada Biro Angkasa.
- Melengkapkan Borang Permohonan Pembiayaan dengan menyertakan salinan dokumen yang disahkan oleh majikan (Slip gaji yang mempunyai kod QR - dua bulan terakhir dan salinan kad pengenalan)
- Menyerahkan borang permohonan lengkap kepada pejabat KGMB.
- Penerimaan borang disahkan oleh pejabat KGMB.
- Potongan gaji semasa anggota tidak melebihi 60%.

KEMATIAN		
Bil.	Kategori	Kadar Sumbangan
1.	Anggota	RM 5,000.00
2.	Suami/Isteri Anggota	RM 1,500.00
3.	Anak anggota / anak angkat berdaftar (Umur tidak melebihi 21 tahun)	RM 500.00
4.	Ibu/bapa anggota	RM 400.00

LAIN-LAIN		
Jenis Sumbangan	Dokumen sokongan yang diperlukan	Kadar Sumbangan
Bencana Alam (Banjir, kebakaran dan lain-lain)	Surat pengesahan majikan / ketua kampung / laporan polis dan gambar.	Maksimum RM500.00 sepanjang tempoh menjadi anggota. Kadar bayaran bergantung kepada kes dan kelulusan ALK.
Penyakit Kronik (anggota)	Surat pengesahan doktor dan majikan.	

JAWATANKUASA AUDIT DALAM (JKAD) 2025-2026



Tuan Haji Abu Hashim bin Abdul Samad



Encik Ahmadi bin Ahmad Maruwi



Puan Nor Ayu binti Adni



Encik Zailan bin Zainuddin @ Abu

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KGMB KALI KE - 58

TARIKH : 27 JUN 2026 (SABTU)
TEMPAT : DEWAN MERAK KAYANGAN
BALAI FELDA, JALAN GURNEY 1
54000 KUALA LUMPUR

Semua Perwakilan 2026/2027 dijemput hadir. Perwakilan yang tidak dapat hadir tidak boleh diganti

PENGERUSI DAN SETIAUSAHA KAWASAN 2026-2027

Kawasan	Pengerusi	No. Telefon	Setiausaha	No. Telefon
Selangor	Tuan Haji Abd Hamid bin Bahari	019-2302257	Encik Ahmadi bin Ahmad Maruwi	019-3322774
Wilayah Persekutuan	Tuan Haji Haris bin Yahaya	013-3935030	Encik Mohd Aidilfitri bin Ramelan	017-6377234
Kedah/Perlis	Encik Che Ayob bin Musa	019-4785007	Tuan Haji Romli@Ramli bin Said	017-4985230
Kelantan	Encik Samsuddin bin Mat Ail	019-4027179	Encik Ismail bin Salleh	019-9258383
Pulau Pinang	Encik Mohamad Zamri bin Idris	019-4512146	Encik Nubhan bin Yahaya	012-5607863
Melaka	Tuan Haji Abu Hashim bin Abdul Samad	013-6300156	Encik Mohd Nasaruddin bin Harun	012-6392696
Johor	Encik Hairul Salleh bin Mukeri	019-7239373	Encik Ab Zayin bin Abdullah	013-7149377
Negeri Sembilan	Tuan Haji Hamzah bin Koleh	013-6301355	Encik Jerald Fernandez	016-3580657
Perak	Encik Zailan bin Zainuddin @ Abu	012-4681953	Tuan Haji Ismail bin Mohamad	016-3712443
Pahang	Encik Ahmad Arifin bin Patong	011-10798789	Encik Mohd Nazri bin Mohammed Ali	013-9389866
Terengganu	Encik Rozeman bin Ismail	019-9903717	Puan Zunidah binti Marsom	019-9209379

Belasungkawa

HAJAH ROSNAH BINTI LOMAN
ALK Sesi 2023/2026

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

"Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali"

Telah kembali ke rahmatullah pada 11 Februari 2026
Semoga Allah S.W.T mengampuni dosanya dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman



4